**LEMBAGA PELABUHAN RAJANG**
**SIBU**

# NOTIS JAWATAN KOSONG

Pemohon-pemohon lelaki yang sihat tubuh badan dan berumur 18 hingga 40 tahun adalah dipelawa untuk memenuhi kekosongan bagi jawatan Pekerja Pelabuhan (Kontrak) selama 12 bulan. Pemohon yang berpengalaman dan memiliki lesen memandu kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)/*kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P) adalah digalakkan untuk memohon. Pekerja Pelabuhan (Kontrak) akan dibayar gaji pokok sebanyak RM46.01 sehari. Selain itu, mereka juga akan dibayar elaun-elaun seperti berikut:

- Insentif Wilayah sebanyak RM8.88 sehari;
- Imbuhan Tetap Khidmat Awam sebanyak RM3.12 sehari;
- Imbuhan Tetap Perumahan sebanyak RM300.00 sebulan (dikira secara prorate mengikut jumlah hari bekerja);
- Elaun tanej untuk pengendalian kargo menurut kadar yang ditentukan oleh pihak Lembaga;
- Elaun lebih masa jika dikehendaki untuk bekerja lebih masa menurut kadar yang ditetapkan.

**Tugas dan tanggungjawab;**

Menjalankan tugas-tugas pemunggahan kargo konvensional dan kargo berkontena ke atas/dari kapal yang berlabuh di dermaga di Lembaga Pelabuhan Rajang.

Borang permohonan boleh dimuat turun dari laman sesawang rasmi LPR di www.rajangport.gov.my. Borang yang telah lengkap diisi dalam satu (1) salinan hendaklah dikembalikan kepada ***Pengurus Besar, Lembaga Pelabuhan Rajang, 96000 Sibu selewat-lewatnya pada atau sebelum 18 Januari 2021***. Sila sertakan bersama satu (1) salinan sijil kelayakan yang berkaitan dan sekeping gambar berukuran passport. Hanya pemohon yang berkelayakan sahaja akan disenarai pendek. Sekiranya pemohon tidak dihubungi dalam masa sebulan dari tarikh tutup, maka permohonan tersebut dianggap tidak berjaya.

**PENGURUS BESAR**
**LEMBAGA PELABUHAN RAJANG**